



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 746

**AKTA PEMBAYARAN DAN ADJUDIKASI
INDUSTRI PEMBINAAN 2012**

Tarikh Perkenan Diraja 18 Jun 2012

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... 22 Jun 2012



Hakcipta Pencetak H

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 746

AKTA PEMBAYARAN DAN ADJUDIKASI INDUSTRI PEMBINAAN 2012

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Ketidakpakaian
4. Tafsiran

BAHAGIAN II

ADJUDIKASI PERTIKAIAN PEMBAYARAN

5. Tuntutan pembayaran
6. Respons pembayaran
7. Hak untuk merujukkan pertikaian kepada adjudikasi
8. Pemulaan adjudikasi
9. Tuntutan adjudikasi
10. Respons adjudikasi
11. Jawapan adjudikasi
12. Adjudikasi dan keputusan
13. Kesan keputusan adjudikasi
14. Penyatuan prosiding adjudikasi
15. Keputusan adjudikasi yang diperoleh secara tidak wajar
16. Penggantungan keputusan adjudikasi
17. Penarikan balik dan permulaan semula prosiding adjudikasi
18. Kos prosiding adjudikasi
19. Fi dan perbelanjaan adjudikator, dsb.
20. Kerahsiaan adjudikasi

BAHAGIAN III**ADJUDIKATOR**

Seksyen

21. Pelantikan adjudikator
22. Pelantikan adjudikator oleh pihak-pihak
23. Pelantikan adjudikator oleh Pengarah PTSKL
24. Kewajipan dan obligasi adjudikator
25. Kuasa adjudikator
26. Kuasa adjudikator tidak terjejas oleh ketidakpatuhan
27. Bidang kuasa adjudikator

BAHAGIAN IV**PENGUATKUASAAN KEPUTUSAN ADJUDIKASI**

28. Penguatkuasaan keputusan adjudikasi sebagai penghakiman
29. Penggantungan atau pengurangan kadar kemajuan pelaksanaan
30. Pembayaran langsung daripada prinsipal
31. Penjalanan serentak remedii

BAHAGIAN V**PIHAK BERKUASA ADJUDIKASI**

32. Fungsi PTSKL
33. Arahan dasar

BAHAGIAN VI**AM**

34. Kekebalan adjudikator dan PTSKL
35. Larangan pembayaran bersyarat
36. Peruntukan ingkar jika tiada terma pembayaran
37. Hubungan antara adjudikasi dengan proses penyelesaian pertikaian lain

BAHAGIAN VII

PELBAGAI

Seksyen

38. Penyampaian notis dan dokumen
39. Peraturan-peraturan
40. Pengecualian
41. Kecualian

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 746

AKTA PEMBAYARAN DAN ADJUDIKASI INDUSTRI PEMBINAAN 2012

Suatu Akta untuk memudahkan pembayaran yang tetap dan tepat pada masanya, untuk mengadakan peruntukan bagi suatu mekanisme bagi penyelesaian pertikaian yang cepat melalui adjudikasi, untuk mengadakan peruntukan bagi remedi untuk mendapatkan bayaran dalam industri pembinaan dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan 2012.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pemakaian

2. Akta ini terpakai bagi setiap kontrak pembinaan yang dibuat secara bertulis yang berhubungan dengan kerja pembinaan yang dijalankan sepenuhnya atau sebahagiannya di dalam wilayah Malaysia termasuk kontrak pembinaan yang dibuat oleh Kerajaan.

Ketidakpakaian

3. Akta ini tidak terpakai bagi kontrak pembinaan yang dibuat oleh seorang orang sebenar bagi apa-apa kerja pembinaan berkenaan dengan mana-mana bangunan yang tingginya kurang daripada empat tingkat dan yang keseluruhannya diniatkan untuk didudukinya.

Tafsiran

4. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“adjudikator” ertinya seseorang individu yang dilantik untuk mengadjudikasi suatu pertikaian di bawah Akta ini;

“bayaran” ertinya bayaran bagi kerja yang telah dilaksanakan atau perkhidmatan yang diberikan di bawah terma kontrak pembinaan yang nyata;

“hari bekerja” ertinya suatu hari kalendar tetapi tidak termasuk hujung minggu dan cuti am yang terpakai bagi Negeri atau Wilayah Persekutuan di mana tapak itu terletak;

“keputusan adjudikasi” ertinya keputusan yang dibuat oleh adjudikator di bawah subseksyen 12(2);

“Kerajaan” ertinya Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri;

“kerja pembinaan” ertinya pembinaan, penyambungan, pemasangan, pemberian, penyenggaraan, pembaharuan, pemindahan, pengubahsuaian, pengubahan, perombakan atau perobohan—

(a) mana-mana bangunan, binaan, bangunan besar, struktur, dinding, pagar atau cerobong, sama ada dibina keseluruhannya atau sebahagiannya di atas atau di bawah paras bumi;

- (b) mana-mana jalan, kerja pelabuhan, landasan kereta api, talian kabel, terusan atau padang terbang;
- (c) apa-apa kerja saliran, pengairan atau kawalan sungai;
- (d) apa-apa kerja elektrik, mekanikal, air, gas, minyak, petrokimia atau telekomunikasi; atau
- (e) mana-mana jambatan, jejambat, empangan, takungan, kerja tanah, talian paip, salur najis, akueduk, pembetung, pemacu, syaf, terowong atau kerja-kerja penebusgunaan,

dan termasuklah—

- (A) apa-apa kerja yang menjadi bahagian yang penting, atau adalah persediaan atau sementara bagi kerja yang diperihalkan dalam perenggan (a) hingga (e), termasuklah pembersihan tapak, penyelidikan dan pemberian tanah, pemindahan tanah, penggalian, peletakan batu asas, pemulihan tapak dan lanskap; dan
- (B) pemerolehan bahan binaan, kelengkapan atau pekerja, yang semestinya diperlukan bagi mana-mana kerja yang diperihalkan dalam perenggan (a) hingga (e);

“kontrak kerja pembinaan” ertinya suatu kontrak untuk menjalankan kerja pembinaan;

“kontrak pembinaan” ertinya suatu kontrak kerja pembinaan atau kontrak rundingan pembinaan;

“kontrak rundingan pembinaan” ertinya suatu kontrak untuk menjalankan perkhidmatan rundingan berhubung dengan kerja pembinaan dan termasuk kajian perancangan dan kebolehlaksanaan, kerja kesenibinaan, kejuruteraan, pengukuran bahan, hiasan luaran dan dalaman, lanskap dan perkhidmatan pengurusan projek;

“Mahkamah Tinggi” ertinya Mahkamah Tinggi di Malaya atau Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak, mengikut mana-mana yang berkenaan;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi kerja raya;

“pentadbir kontrak” ertinya seorang arkitek, jurutera, pegawai penyelia atau orang lain tidak kira bagaimana jua sekalipun dipanggil yang mentadbir kontrak kerja pembinaan;

“pihak yang menuntut” ertinya seseorang pihak yang terkilan dalam kontrak pembinaan yang memulakan prosiding adjudikasi;

“pihak yang tidak dibayar” ertinya pihak yang menuntut pembayaran sejumlah wang yang tidak dibayar sepenuhnya atau sebahagiannya di bawah suatu kontrak pembinaan;

“pihak yang tidak membayar” ertinya suatu pihak yang terhadapnya suatu tuntutan pembayaran dibuat menurut suatu kontrak pembinaan;

“prinsipal” ertinya suatu pihak yang telah berkontrak dengan dan bertanggungan untuk membuat pembayaran kepada pihak yang satu lagi yang selepas itu pihak yang satu lagi itu berkontrak dengan dan bertanggungan untuk membuat pembayaran kepada orang selanjutnya dalam suatu rantai kontrak pembinaan;

“prosiding adjudikasi” ertinya proses adjudikasi di bawah Akta ini;

“PTSKL” ertinya Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur;

“responden” ertinya orang yang padanya notis adjudikasi dan tuntutan adjudikasi telah disampaikan;

“tapak” ertinya tempat di mana kerja pembinaan terletak sama ada di darat atau di luar pesisir.

BAHAGIAN II

ADJUDIKASI PERTIKAIAN PEMBAYARAN

Tuntutan pembayaran

5. (1) Pihak yang tidak dibayar boleh menyampaikan suatu tuntutan pembayaran kepada pihak yang tidak membayar bagi bayaran menurut suatu kontrak pembinaan.

(2) Tuntutan pembayaran itu hendaklah secara bertulis dan hendaklah termasuk—

(a) amaun yang dituntut dan tarikh habis tempoh bagi pembayaran amaun yang dituntut itu;

- (b) butir untuk mengenal pasti kausa tindakan termasuk peruntukan dalam kontrak pembinaan yang dengannya bayaran itu adalah berhubungan;
- (c) perihalan tentang kerja atau perkhidmatan yang dengannya bayaran itu adalah berhubungan; dan
- (d) pernyataan bahawa ia dibuat di bawah Akta ini.

Respons pembayaran

6. (1) Pihak yang tidak membayar yang mengakui tuntutan pembayaran yang disampaikan kepadanya hendaklah menyampaikan suatu respons pembayaran kepada pihak yang tidak dibayar berserta dengan keseluruhan amaun yang dituntut atau apa-apa amaun yang diakuinya.

(2) Pihak yang tidak membayar yang mempertikaikan amaun yang dituntut dalam tuntutan pembayaran, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, hendaklah menyampaikan suatu respons pembayaran secara bertulis kepada pihak yang tidak dibayar itu dengan menyatakan amaun yang dipertikaikan dan sebab bagi pertikaian itu.

(3) Suatu respons pembayaran yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) atau (2) hendaklah disampaikan kepada pihak yang tidak dibayar dalam masa sepuluh hari bekerja dari penerimaan tuntutan pembayaran.

(4) Pihak yang tidak membayar yang tidak memberikan respons kepada tuntutan pembayaran dengan cara yang diperuntukkan di bawah seksyen ini disifatkan telah mempertikaikan keseluruhan tuntutan pembayaran itu.

Hak untuk merujukkan pertikaian kepada adjudikasi

7. (1) Suatu pihak yang tidak dibayar atau pihak yang tidak membayar boleh merujukkan suatu pertikaian yang berbangkit daripada tuntutan pembayaran yang dibuat di bawah seksyen 5 kepada adjudikasi.

(2) Hak untuk merujukkan pertikaian kepada adjudikasi hanya boleh dijalankan selepas tamat tempoh untuk menyampaikan respons pembayaran sebagaimana yang dinyatakan di bawah subseksyen 6(3).

(3) Suatu pertikaian yang dirujukkan kepada adjudikasi di bawah Akta ini adalah tertakluk kepada Akta Had Masa 1953 [Akta 254], Ordinan Had Masa Sabah [Bab 72] atau Ordinan Had Masa Sarawak [Bab 49] mengikut mana-mana yang berkenaan.

Pemulaan adjudikasi

8. (1) Pihak yang menuntut boleh memulakan prosiding adjudikasi dengan menyampaikan suatu notis bertulis tentang adjudikasi yang mengandungi sifat dan perihalan pertikaian dan remedii yang diminta berserta dengan apa-apa dokumen sokongan kepada responden.

(2) Apabila responden menerima notis adjudikasi itu, adjudikator hendaklah dilantik mengikut cara yang diperihalkan dalam seksyen 21.

(3) Sesuatu pihak kepada prosiding adjudikasi boleh mewakili dirinya sendiri atau diwakili oleh mana-mana wakil yang dilantik oleh pihak itu.

Tuntutan adjudikasi

9. (1) Pihak yang menuntut hendaklah, dalam masa sepuluh hari bekerja dari penerimaan pelantikan itu diterima oleh adjudikator di bawah subseksyen 22(2) atau 23(2), menyampaikan suatu tuntutan adjudikasi bertulis yang mengandungi sifat dan perihalan pertikaian itu dan remedii yang diminta berserta dengan apa-apa dokumen sokongan kepada responden.

(2) Pihak yang menuntut hendaklah memberi adjudikator suatu salinan tuntutan adjudikasi berserta dengan apa-apa dokumen sokongan dalam masa yang dinyatakan di bawah subseksyen (1).

Respons adjudikasi

10. (1) Responden hendaklah, dalam masa sepuluh hari dari penerimaan tuntutan adjudikasi di bawah subseksyen 9(1), menyampaikan respons adjudikasi bertulis yang hendaklah menjawab tuntutan adjudikasi itu berserta dengan apa-apa dokumen sokongan kepada pihak yang menuntut.

(2) Responden hendaklah memberi adjudikator salinan respons adjudikasi itu berserta dengan apa-apa dokumen sokongan dalam masa yang dinyatakan di bawah subseksyen (1).

(3) Jika responden tidak menyampaikan apa-apa respons adjudikasi, pihak yang menuntut boleh meneruskan adjudikasi itu selepas tamat masa yang dinyatakan di bawah subseksyen (1).

Jawapan adjudikasi

11. (1) Pihak yang menuntut boleh, dalam masa lima hari bekerja dari penerimaan respons adjudikasi, menyampaikan suatu jawapan bertulis kepada respons adjudikasi itu berserta dengan dokumen sokongan kepada responden.

(2) Pihak yang menuntut hendaklah memberi adjudikator salinan jawapan adjudikasi berserta dengan apa-apa dokumen sokongan dalam masa yang dinyatakan di bawah subseksyen (1).

Adjudikasi dan keputusan

12. (1) Adjudikator hendaklah menjalankan adjudikasi mengikut cara yang difikirkannya sesuai dengan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 25.

(2) Tertakluk kepada subseksyen 19(5), adjudikator hendaklah memutuskan pertikaian dan memberikan keputusan adjudikasi dalam masa—

(a) empat puluh lima hari bekerja dari penyampaian respons adjudikasi atau jawapan kepada respons adjudikasi, mengikut mana-mana yang terkemudian;

- (b) empat puluh lima hari bekerja dari tamatnya tempoh yang ditetapkan bagi penyampaian respons adjudikasi jika tiada respons adjudikasi diterima; atau
- (c) apa-apa masa lanjut yang dipersetujui oleh pihak-pihak.

(3) Suatu keputusan adjudikasi yang tidak dibuat dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (2) adalah tidak sah.

(4) Keputusan adjudikasi hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah mengandungi sebab-sebab bagi keputusan itu melainkan jika kehendak bagi sebab-sebab itu diketepikan oleh pihak-pihak itu.

(5) Keputusan adjudikasi itu hendaklah juga menentukan amaun teradjudikasi dan masa dan cara amaun teradjudikasi itu kena dibayar.

(6) Adjudikator hendaklah menyampaikan suatu salinan keputusan adjudikasi, termasuk mana-mana keputusan adjudikasi yang dibetulkan yang dibuat di bawah subseksyen (7), kepada pihak-pihak dan Pengarah PTSKL.

(7) Adjudikator boleh pada bila-bila masa membetulkan apa-apa kesilapan pengiraan atau kesilapan taipan atas inisiatif adjudikator sendiri atau atas permintaan mana-mana pihak.

(8) Penguatkuasaan keputusan adjudikasi tidaklah terjejas dalam apa-apa cara dengan permintaan untuk pembetulan di bawah subseksyen (7) dan apa-apa pembetulan yang dibuat hendaklah disifatkan berkuat kuasa dari tarikh keputusan adjudikasi yang asal.

(9) Akta Keterangan 1950 [Akta 56] tidak terpakai bagi prosiding adjudikasi di bawah Akta ini.

Kesan keputusan adjudikasi

13. Keputusan adjudikasi adalah mengikat melainkan jika—

- (a) ia diketepikan oleh Mahkamah Tinggi atas apa-apa alasan yang disebut dalam seksyen 15;

- (b) hal perkara keputusan itu diselesaikan melalui suatu perjanjian bertulis antara pihak-pihak; atau
- (c) pertikaian itu telah diputuskan secara muktamad oleh timbang tara atau mahkamah.

Penyatuan prosiding adjudikasi

14. Jika dua prosiding adjudikasi atau lebih berkenaan dengan hal perkara yang sama yang sedang diadjudikasikan di hadapan adjudikator yang sama, adjudikator boleh, dengan persetujuan semua pihak dalam prosiding adjudikasi itu, menyatukan dan mengadjudikasikan perkara-perkara itu dalam prosiding yang sama.

Keputusan adjudikasi yang diperoleh secara tidak wajar

15. Suatu pihak yang terkilan boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk mengetepikan keputusan adjudikasi atas satu atau lebih daripada alasan-alasan yang berikut:

- (a) keputusan adjudikasi telah diperoleh secara tidak wajar melalui fraud atau suapan;
- (b) terdapat penafian keadilan asasi;
- (c) adjudikator tidak bertindak dengan bebas atau saksama; atau
- (d) adjudikator telah bertindak melampaui bidang kuasanya.

Pengantungan keputusan adjudikasi

16. (1) Suatu pihak boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi bagi suatu pengantungan keputusan adjudikasi dalam hal keadaan yang berikut:

- (a) suatu permohonan untuk mengetepikan keputusan adjudikasi di bawah seksyen 15 telah dibuat; atau
- (b) hal perkara keputusan adjudikasi sedang menunggu penentuan muktamad oleh timbang tara atau mahkamah.

(2) Mahkamah Tinggi boleh membenarkan penggantungan keputusan adjudikasi atau memerintahkan amaun teradjudikasi atau sebahagian daripadanya untuk didepositkan dengan Pengarah PTSKL atau membuat apa-apa perintah lain yang difikirkannya patut.

Penarikan balik dan permulaan semula prosiding adjudikasi

17. (1) Pihak yang menuntut boleh pada bila-bila masa menarik balik tuntutan adjudikasi dengan menyampaikan suatu notis penarikan balik secara bertulis kepada responden dan adjudikator.

(2) Pihak yang menuntut hendaklah menanggung kos yang berbangkit daripada penarikan balik prosiding adjudikasi itu melainkan jika adjudikator memerintahkan selainnya.

(3) Pihak yang menuntut yang telah menarik balik tuntutan adjudikasi bebas untuk memulakan semula adjudikasi tentang hal perkara yang sama dengan menyampaikan suatu notis adjudikasi yang baru mengikut seksyen 8.

(4) Jika seseorang adjudikator mati, meletakkan jawatan atau tidak berupaya oleh sebab sakit atau apa-apa sebab lain untuk menyelesaikan prosiding adjudikasi—

- (a) prosiding adjudikasi itu berakhir dan pihak-pihak itu adalah bebas untuk memulakan semula prosiding adjudikasi yang baru; atau
- (b) prosiding adjudikasi itu boleh diteruskan oleh adjudikator baru yang dilantik oleh pihak-pihak itu dan prosiding adjudikasi itu hendaklah diteruskan seolah-olah tiada pertukaran adjudikator.

Kos prosiding adjudikasi

18. (1) Adjudikator, dalam membuat keputusan adjudikasi berhubung dengan kos prosiding adjudikasi hendaklah memerintahkan kos supaya mengikut keadaan dan hendaklah menetapkan kuantum kos yang perlu dibayar itu.

(2) Subseksyen (1) hendaklah mengatasi mana-mana perjanjian yang dibuat oleh pihak-pihak sebelum permulaan prosiding adjudikasi yang dengannya satu pihak bersetuju untuk membayar kos pihak yang satu lagi atau menanggung fi dan perbelanjaan adjudikator.

Fi dan perbelanjaan adjudikator, dsb.

19. (1) Pihak-pihak dan adjudikator adalah bebas untuk bersetuju mengenai terma pelantikan adjudikator dan fi yang hendak dibayar kepada adjudikator.

(2) Jika pihak-pihak dan adjudikator tidak bersetuju dengan terma pelantikan dan fi adjudikator, terma pelantikan dan fi standard PTSKL bagi adjudikator hendaklah terpakai.

(3) Pihak-pihak kepada adjudikasi adalah bertanggungan bersesama dan berasingan untuk membayar fi dan perbelanjaan adjudikator dan adjudikator boleh mendapatkan balik fi dan perbelanjaan yang kena dibayar itu sebagai hutang.

(4) Pihak-pihak itu hendaklah menyumbang dan mendeposit dengan Pengarah PTSKL suatu perkadaran fi yang munasabah dalam bahagian yang sama rata sebagaimana yang diarahkan oleh adjudikator terlebih dahulu sebagai jaminan.

(5) Sebelum memberikan keputusan adjudikasi kepada pihak-pihak, adjudikator boleh menghendaki bayaran penuh fi dan perbelanjaan untuk didepositkan dengan Pengarah PTSKL.

(6) Seseorang adjudikator tidak berhak kepada apa-apa fi atau perbelanjaan yang berhubungan dengan adjudikasi jika adjudikator gagal untuk memutuskan pertikaian dalam tempoh yang dinyatakan di bawah subseksyen 12(2) kecuali apabila kelewatan dalam membuat keputusan itu disebabkan kegagalan pihak-pihak untuk mendepositkan bayaran penuh fi dan perbelanjaan dengan Pengarah PTSKL di bawah subseksyen (5).

Kerahsiaan adjudikasi

20. Adjudikator dan mana-mana pihak kepada pertikaian itu tidak boleh menzahirkan apa-apa pernyataan, pengakuan atau dokumen yang dibuat atau dikemukakan bagi maksud adjudikasi kepada orang lain kecuali—

- (a) dengan persetujuan pihak yang satu lagi;
- (b) setakat yang maklumat itu telah berada dalam domain awam;

- (c) setakat yang penzahiran itu adalah perlu bagi maksud penguatkuasaan keputusan adjudikasi atau mana-mana prosiding dalam timbang tara atau mahkamah; atau
- (d) setakat yang penzahiran itu dikehendaki bagi apa-apa maksud di bawah Akta ini atau selainnya dikehendaki dalam mana-mana undang-undang bertulis.

BAHAGIAN III

ADJUDIKATOR

Pelantikan adjudikator

21. Seseorang adjudikator boleh dilantik dengan cara yang berikut:

- (a) melalui persetujuan pihak-pihak dalam pertikaian dalam masa sepuluh hari bekerja dari penyampaian notis adjudikasi oleh pihak yang menuntut; atau
- (b) oleh Pengarah PTSKL—
 - (i) atas permintaan mana-mana satu pihak dalam pertikaian jika tiada persetujuan pihak-pihak di bawah perenggan (a); atau
 - (ii) atas permintaan pihak-pihak dalam pertikaian.

Pelantikan adjudikator oleh pihak-pihak

22. (1) Pihak yang menuntut hendaklah memberitahu adjudikator yang hendak dilantik di bawah perenggan 21(a) secara bertulis dan memberikannya suatu salinan notis adjudikasi.

(2) Adjudikator hendaklah mencadangkan dan merundingkan terma pelantikannya termasuk fi yang kena dibayar dengan pihak-pihak itu dan hendaklah dalam masa sepuluh hari bekerja dari tarikh dia diberitahu tentang pelantikannya, menunjukkan penerimaannya dan terma pelantikannya.

(3) Jika adjudikator menolak pelantikannya atau tidak menunjukkan penerimaan pelantikannya dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (2), pihak-pihak itu boleh terus melantik adjudikator yang lain dengan cara yang diperuntukkan di bawah seksyen 21.

Pelantikan adjudikator oleh Pengarah PTSKL

23. (1) Pengarah PTSKL hendaklah melantik seorang adjudikator di bawah perenggan 21(b) dalam masa lima hari bekerja apabila diterima suatu permintaan dan hendaklah memberitahu pihak-pihak itu dan adjudikator secara bertulis.

(2) Adjudikator hendaklah mencadangkan dan merundingkan terma pelantikannya termasuk fi yang kena dibayar dengan pihak-pihak itu dan hendaklah dalam masa sepuluh hari bekerja dari tarikh dia diberitahu tentang pelantikannya, menunjukkan penerimaannya dan terma pelantikannya.

(3) Jika adjudikator itu menolak pelantikannya atau tidak menunjukkan penerimaan pelantikannya dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (2)—

- (a) pihak-pihak itu boleh bersetuju untuk melantik seorang adjudikator yang lain mengikut cara yang diperuntukkan di bawah perenggan 21(a); atau
- (b) Pengarah PTSKL boleh terus melantik seorang adjudikator yang lain mengikut cara yang diperuntukkan di bawah perenggan 21(b).

Kewajipan dan obligasi adjudikator

24. Adjudikator hendaklah pada masa penerimaan pelantikan sebagai adjudikator membuat suatu perisyntiharan secara bertulis bahawa—

- (a) tidak terdapat percanggahan kepentingan berkenaan dengan pelantikannya;
- (b) dia hendaklah bertindak dengan bebas, saksama dan tepat pada masanya dan mengelakkan daripada melakukan perbelanjaan yang tidak perlu;
- (c) dia hendaklah mematuhi prinsip keadilan asasi; dan
- (d) tidak terdapat apa-apa hal keadaan yang berkemungkinan menimbulkan keraguan yang boleh diwajarkan berkenaan dengan kesaksamaan dan kebebasan adjudikator itu.

Kuasa adjudikator

25. Adjudikator hendaklah mempunyai kuasa untuk—

- (a) menentukan tatacara dalam menjalankan prosiding adjudikasi termasuklah mengehadkan pengemukaan dokumen oleh pihak-pihak itu;
- (b) memerintahkan penzahiran dan pengemukaan dokumen;
- (c) menetapkan tarikh akhir bagi pengemukaan dokumen;
- (d) menggunakan pengetahuannya dan kepakarannya sendiri;
- (e) melantik pakar bebas untuk menyiasat dan melaporkan tentang perkara khusus dengan persetujuan pihak-pihak;
- (f) memanggil mesyuarat dengan pihak-pihak itu;
- (g) mengadakan apa-apa pendengaran dan mengehadkan masa pendengaran itu;
- (h) menjalankan pemeriksaan tapak, kerja, bahan atau barang-barang yang berhubungan dengan pertikaian itu termasuk pendedahan apa-apa kerja yang telah dilaksanakan;
- (i) mengambil inisiatif untuk membuat penyiasatan secara aktif bagi menentukan fakta dan undang-undang yang dikehendaki bagi keputusan itu;
- (j) mengeluarkan apa-apa arahan yang perlu atau suai manfaat;
- (k) memerintahkan supaya interogatori untuk dijawab;
- (l) memerintahkan supaya apa-apa keterangan diberikan dengan sumpah;
- (m) mengkaji semula dan menyemak mana-mana perakuan yang dikeluarkan atau yang hendak dikeluarkan menurut kontrak kerja pembinaan, keputusan, arahan, pandangan atau penilaian pihak-pihak atau pentadbir kontrak yang berkaitan dengan pertikaian itu;
- (n) memutuskan atau mengisyiharkan mengenai apa-apa perkara walaupun tiada perakuan dikeluarkan berkenaan dengan perkara itu;

- (o) mengawardkan kos pembiayaan dan faedahnya; dan
- (p) melanjutkan apa-apa had masa yang dikenakan ke atas pihak-pihak di bawah Akta ini sebagaimana yang semunasabahnya dikehendaki.

Kuasa adjudikator tidak terjejas oleh ketidakpatuhan

26. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), ketidakpatuhan oleh pihak-pihak dengan peruntukan Akta ini sama ada berkenaan dengan had masa, bentuk atau kandungan atau dalam apa-apa perkara lain hendaklah dikira sebagai suatu ketidakteraturan dan tidak menidaksahkan kuasa adjudikator untuk mengadjudikasi pertikaian atau membatalkan prosiding adjudikasi atau keputusan adjudikasi.

(2) Adjudikator boleh atas alasan terdapat ketidakpatuhan berkenaan dengan prosiding adjudikasi atau dokumen yang dikemukakan dalam prosiding adjudikasi—

- (a) mengetepikan prosiding adjudikasi itu secara keseluruhannya atau sebahagiannya;
- (b) membuat apa-apa perintah yang berkaitan dengan prosiding adjudikasi sebagaimana yang disifatkan patut oleh adjudikator itu; atau
- (c) membenarkan pindaan dibuat pada dokumen yang dikemukakan dalam prosiding adjudikasi.

Bidang kuasa adjudikator

27. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), bidang kuasa adjudikator berhubung dengan apa-apa pertikaian adalah terhad kepada perkara yang dirujukkan kepada adjudikasi oleh pihak-pihak menurut seksyen 5 dan 6.

(2) Pihak-pihak kepada adjudikasi boleh pada bila-bila masa melalui persetujuan secara bertulis melanjutkan bidang kuasa adjudikator untuk membuat keputusan mengenai apa-apa perkara lain yang tidak dirujuk kepada adjudikator menurut seksyen 5 dan 6.

(3) Walau apa pun cabaran bidang kuasa, adjudikator boleh dengan budi bicaranya meneruskan dan menyiapkan prosiding adjudikasi tanpa menjelaskan hak mana-mana pihak untuk memohon mengetepikan keputusan adjudikasi di bawah seksyen 15 atau untuk membantah permohonan untuk menguatkuasakan keputusan adjudikasi di bawah subseksyen 28(1).

BAHAGIAN IV

PENGUATKUASAAN KEPUTUSAN ADJUDIKASI

Penguatkuasaan keputusan adjudikasi sebagai penghakiman

28. (1) Sesuatu pihak boleh menguatkuasakan suatu keputusan adjudikasi dengan memohon kepada Mahkamah Tinggi bagi suatu perintah untuk menguatkuasakan keputusan adjudikasi seolah-olah keputusan adjudikasi itu adalah penghakiman atau perintah Mahkamah Tinggi.

(2) Mahkamah Tinggi boleh membuat suatu perintah berkenaan dengan keputusan adjudikasi sama ada secara keseluruhan atau sebahagian dan boleh membuat suatu perintah berkenaan dengan faedah bagi amaun teradjudikasi yang kena dibayar.

(3) Perintah yang dibuat di bawah subseksyen (2) boleh dilaksanakan mengikut kaedah-kaedah mengenai pelaksanaan perintah atau penghakiman Mahkamah Tinggi.

Penggantungan atau pengurangan kadar kemajuan pelaksanaan

29. (1) Suatu pihak boleh menggantung pelaksanaan atau mengurangkan kadar kemajuan pelaksanaan mana-mana kerja pembinaan atau perkhidmatan rundingan pembinaan di bawah suatu kontrak pembinaan jika amaun teradjudikasi menurut keputusan adjudikasi tidak dibayar sepenuhnya atau sebahagiannya selepas penerimaan keputusan adjudikasi di bawah subseksyen 12(6).

(2) Pihak yang berhasrat untuk menggantung pelaksanaan atau mengurangkan kadar kemajuan pelaksanaan itu di bawah subseksyen (1) hendaklah memberikan notis bertulis tentang niat untuk menggantung pelaksanaan atau mengurangkan kadar

kemajuan pelaksanaan kepada pihak yang satu lagi jika amaun teradjudikasi itu tidak dibayar dalam masa empat belas hari kalender dari tarikh penerimaan notis itu.

(3) Pihak yang berhasrat untuk menggantung pelaksanaan atau mengurangkan kadar kemajuan pelaksanaan di bawah subseksyen (1) hendaklah mempunyai hak untuk menggantung pelaksanaan atau mengurangkan kadar kemajuan pelaksanaan mana-mana kerja pembinaan atau perkhidmatan rundingan pembinaan di bawah suatu kontrak pembinaan apabila tamat empat belas hari kalender penyampaian notis yang diberikan di bawah subseksyen (2).

(4) Pihak yang menjalankan haknya di bawah subseksyen (3)—

- (a) tidaklah melanggar kontrak;
- (b) berhak untuk mendapat masa lanjutan yang adil dan munasabah untuk menyelesaikan obligasinya di bawah kontrak;
- (c) berhak untuk mendapatkan balik apa-apa kerugian atau perbelanjaan yang dilakukan akibat daripada penggantungan atau pengurangan kadar kemajuan pelaksanaan daripada pihak yang satu lagi; dan
- (d) hendaklah memulakan semula pelaksanaan atau kadar kemajuan pelaksanaan kerja pembinaan atau perkhidmatan rundingan pembinaan di bawah suatu kontrak pembinaan mengikut kontrak itu dalam masa sepuluh hari bekerja selepas dibayar amaun teradjudikasi atau suatu amaun yang ditentukan oleh timbang tara atau mahkamah menurut subseksyen 37(1).

Pembayaran langsung daripada prinsipal

30. (1) Jika sesuatu pihak yang terhadapnya suatu keputusan adjudikasi dibuat tidak membayar amaun teradjudikasi itu, pihak yang memperoleh keputusan adjudikasi yang berpihak kepadanya boleh membuat suatu permintaan bertulis bagi bayaran amaun teradjudikasi itu secara langsung daripada prinsipal pihak yang terhadapnya keputusan adjudikasi dibuat.

(2) Apabila diterima permintaan bertulis di bawah subseksyen (1), prinsipal hendaklah menyampaikan suatu notis secara bertulis kepada pihak yang terhadapnya keputusan adjudikasi dibuat bagi

menunjukkan bukti pembayaran dan menyatakan bahawa bayaran langsung akan dibuat selepas tamat sepuluh hari bekerja daripada penyampaian notis itu.

(3) Jika tiada bukti pembayaran diminta di bawah subseksyen (2), prinsipal hendaklah membayar amaun teradjudikasi kepada pihak yang memperoleh keputusan adjudikasi yang berpihak kepadanya.

(4) Prinsipal boleh mendapatkan balik amaun yang dibayar di bawah subseksyen (3) sebagai hutang atau tolak amaun itu daripada apa-apa wang yang terhutang atau kena dibayar oleh prinsipal kepada pihak yang terhadapnya keputusan adjudikasi dibuat.

(5) Seksyen ini hanya boleh digunakan jika wang itu terhutang atau kena dibayar oleh prinsipal kepada pihak yang terhadapnya keputusan adjudikasi dibuat pada masa penerimaan permintaan di bawah subseksyen (1).

Penjalanan serentak remedii

31. (1) Melainkan jika suatu penggantungan diberikan di bawah seksyen 16, suatu pihak yang memperoleh keputusan adjudikasi yang berpihak kepadanya boleh menjalankan apa-apa atau semua remedii yang diperuntukkan dalam Akta ini secara serentak bagi menguatkuasakan keputusan adjudikasi itu.

(2) Remedii yang diperuntukkan oleh Akta ini tidaklah menjelaskan hak dan remedii lain yang sedia ada dalam kontrak pembinaan atau mana-mana undang-undang bertulis, termasuk apa-apa penalti yang diperuntukkan di bawah mana-mana undang bertulis.

BAHAGIAN V

PIHAK BERKUASA ADJUDIKASI

Fungsi PTSKL

32. PTSKL hendaklah menjadi pihak berkuasa adjudikasi dan bertanggungjawab bagi yang berikut:

(a) menetapkan piawaian kewibawaan dan kriteria seseorang adjudikator;

- (b) menentukan terma pelantikan yang standard seseorang adjudikator dan fi bagi perkhidmatan seseorang adjudikator;
- (c) sokongan pentadbiran bagi penjalanan adjudikasi di bawah Akta ini; dan
- (d) apa-apa fungsi yang dikehendaki bagi penjalanan cekap adjudikasi di bawah Akta ini.

Arahan dasar

33. (1) Dalam menjalankan fungsinya di bawah seksyen 32, PTSKL hendaklah mendapatkan arahan dasar daripada Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi hal ehwal undang-undang.

(2) Menteri yang dipertanggungkan dengan tanggungjawab bagi hal ehwal undang-undang hendaklah berunding dengan Menteri sebelum membuat apa-apa arahan dasar tentang fungsi PTSKL di bawah seksyen 32.

BAHAGIAN VI

AM

Kekebalan adjudikator dan PTSKL

34. (1) Tiada tindakan atau guaman boleh dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah terhadap adjudikator atau PTSKL atau pegawainya bagi apa-apa perbuatan atau peninggalan yang dibuat dengan suci hati dalam pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Seseorang adjudikator yang telah mengadjudikasikan suatu pertikaian di bawah Akta ini tidak boleh dipanggil untuk memberikan keterangan dalam mana-mana prosiding timbang tara atau mahkamah yang berkaitan dengan pertikaian yang telah diadjudikasi olehnya.

Larangan pembayaran bersyarat

35. (1) Mana-mana peruntukan pembayaran bersyarat dalam suatu kontrak pembinaan berhubung dengan pembayaran di bawah kontrak pembinaan adalah tidak sah.

(2) Bagi maksud seksyen ini, ia adalah pembayaran bersyarat apabila—

- (a) obligasi satu pihak untuk membuat pembayaran adalah dengan syarat apabila penerimaan bayaran oleh pihak itu daripada pihak ketiga; atau
- (b) obligasi satu pihak untuk membuat pembayaran adalah dengan syarat apabila adanya dana atau penggunaan kemudahan pembiayaan pihak itu.

Peruntukan ingkar jika tiada terma pembayaran

36. (1) Melainkan jika selainnya dipersetujui oleh pihak-pihak, suatu pihak yang bersetuju untuk menjalankan kerja pembinaan atau memberikan perkhidmatan rundingan pembinaan di bawah suatu kontrak pembinaan mempunyai hak kepada bayaran kemajuan pada suatu nilai yang dikira dengan merujuk kepada—

- (a) harga kontrak bagi kerja pembinaan atau perkhidmatan rundingan pembinaan;
- (b) apa-apa kadar lain yang dinyatakan dalam kontrak pembinaan;
- (c) apa-apa perubahan yang dipersetujui oleh pihak-pihak kepada kontrak pembinaan itu yang tengannya harga kontraknya atau apa-apa kadar lain yang dinyatakan dalam kontrak pembinaan itu hendaklah dilaraskan; dan
- (d) kos yang munasabah yang dianggarkan untuk membaiki apa-apa kecacatan atau membetulkan apa-apa ketidakpatuhan atau pengurangan dalam nilai kerja pembinaan atau perkhidmatan rundingan pembinaan yang dilaksanakan, mengikut mana-mana yang lebih munasabah.

- (2) Jika tiada apa-apa perkara yang disebut dalam perenggan (1)(a) hingga (d), rujukan hendaklah dibuat kepada—
- (a) fi yang ditetapkan oleh lembaga pengawalseliaan yang berkaitan di bawah mana-mana undang-undang bertulis; atau
 - (b) jika tiada fi yang ditetapkan dalam perenggan (a), suatu harga atau kadar yang berpatutan dan munasabah yang ada dalam industri pembinaan pada masa kerja pembinaan atau perkhidmatan rundingan pembinaan itu dijalankan.
- (3) Kekerapan bayaran kemajuan adalah—
- (a) secara bulanan, bagi kerja pembinaan dan perkhidmatan rundingan pembinaan; dan
 - (b) selepas penyerahan bekalan, bagi bekalan bahan binaan, kelengkapan atau pekerja yang berkaitan dengan kontrak pembinaan.
- (4) Tarikh akhir bagi pembayaran di bawah subseksyen (3) ialah tiga puluh hari kalender dari penerimaan invois.

Hubungan antara adjudikasi dengan proses penyelesaian pertikaian lain

37. (1) Suatu pertikaian berkenaan dengan bayaran di bawah kontrak pembinaan boleh dirujuk secara serentak kepada adjudikasi, timbang tara atau mahkamah.
- (2) Tertakluk kepada subseksyen (3), rujukan kepada timbang tara atau mahkamah berkenaan dengan pertikaian yang sedang diadjudikasi tidaklah menamatkan prosiding adjudikasi itu ataupun menjaskan prosiding adjudikasi itu.
- (3) Suatu prosiding adjudikasi tamat jika pertikaian yang sedang diadjudikasi diselesaikan melalui persetujuan secara bertulis antara pihak-pihak itu atau diputuskan oleh timbang tara atau mahkamah.

BAHAGIAN VII**PELBAGAI****Penyampaian notis dan dokumen**

38. Penyampaian notis atau mana-mana dokumen lain di bawah Akta ini hendaklah dilaksanakan kepada pihak yang hendak disampaikan—

- (a) dengan menyerahkan notis atau dokumen kepada pihak itu sendiri;
- (b) dengan meninggalkan notis atau dokumen itu di tempat perniagaan biasa pihak itu semasa waktu urusan biasa bagi pihak itu;
- (c) dengan menyerahkan notis atau dokumen ke tempat perniagaan biasa atau tempat perniagaan yang terakhir yang diketahui melalui pos berdaftar; atau
- (d) melalui apa-apa cara lain sebagaimana yang dipersetujui secara bertulis oleh pihak-pihak itu.

Peraturan-peraturan

39. Menteri boleh, selepas menimbangkan syor PTSKL, membuat peraturan-peraturan yang suai manfaat atau perlu bagi melaksanakan sepenuhnya atau menjalankan peruntukan Akta ini.

Pengecualian

40. Menteri boleh, selepas menimbangkan syor PTSKL, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengecualikan—

- (a) mana-mana orang atau golongan orang; atau
- (b) mana-mana kontrak, perkara atau transaksi atau kelas daripadanya,

daripada semua atau mana-mana peruntukan Akta ini, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan.

Kecualian

- 41.** Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh menyentuh mana-mana prosiding yang berhubungan dengan apa-apa pertikaian pembayaran di bawah kontrak pembinaan yang telah dimulakan dalam mana-mana mahkamah atau timbang tara sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini.

